

SURAT IKATAN PENYERAHHAKKAN

SURAT IKATAN PENYERAHHAKKAN INI dibuat pada tarikh dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 1 bersama-sama Jadual ini.

Di Antara

Pihak yang nama, keterangan dan alamatnya adalah seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 2 Jadual di ni (selepas daripada ini dirujuk sebagai "Penyerahhak") sebagai satu pihak

dan

CIMB BANK BERHAD (Pendaftaran Syarikat No. 13491-P), Tingkat 13, Menara CIMB, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur dan tempat perniagaan di alamat seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3 Jadual ini (selepas ini dirujuk sebagai "Bank") di bahagian yang lain.

BAHAWASANYA:-

- (a) Melalui satu Perjanjian Jual Beli bertarikh dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 4 Jadual di ni dibuat di antara sebuah syarikat dan /atau individu yang mana/ yang namanya, keterangan dan alamat dinyatakan dalam Seksyen 5 Jadual di ni (kemudian dari ini dirujuk sebagai "Penjual") sebagai satu bahagian dan Penyerahhak sebagai bahagian yang lain, Penjual bersetuju untuk menjual dan Penyerahhak bersetuju untuk membeli semua harta yang mana diterangkan dengan lebih lanjut di dalam Perjanjian Jual Beli dan di dalam Seksyen 6 Jadual di ni (kemudian dari ini dirujuk sebagai "Harta tersebut") pada harga dan tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Jual Beli tersebut.
- *
 - (a)(i) Penyerahhak telah mendapatkan hak-hak dan/atau kepentingan ke atas Harta tersebut melalui satu kontrak pembinaan, sebarang bentuk perjanjian yang lain atau sebaliknya dengan syarikat tersebut dan/atau individu yang mana/apa nama, keterangan dan alamat dinyatakan di dalam Seksyen 5 Jadual di ni, yang mana kontrak/perjanjian bertarikh pada dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen Jadual tersebut.
- (b) Satu dokumen hakmilik berangan atau hakmilik strata ke atas Harta tersebut belum lagi dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan.

* POTONG JIKA TIDAK BERKENAAN

- (c) Telah dipersetujui antara lain bahawa sebarang Keterhutangan dan/atau wang atau liabiliti termasuk faedah dan perbelanjaan yang boleh dicaj pada masa sekarang atau pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa daripada ini menjadi terakru dan dihutang di bawah Kemudahan tersebut seperti yang dinyatakan dengan lebih lanjut di dalam Perjanjian Pinjaman dan/atau Perjanjian Kemudahan (selepas dari ini dirujuk sebagai “Kemudahan tersebut” dan “Perjanjian Pinjaman tersebut” yang berkenaan dan seperti yang diterangkan di dalam Seksyen 8 Jadual di ni) oleh Penyerahhak atau Peminjam seperti yang diterangkan di dalam Seksyen 7 Jadual di ni kepada Bank, hendaklah dicagar melalui Surat Ikatan Penyerahhakkan ini melalui cara penyerahhakkan mutlak kesemua hak, hakmilik dan kepentingan Penyerahhak di dalam dan kepada Harta tersebut melalui Perjanjian Jual Beli, mana-mana perjanjian lain dan/atau kontrak yang mana Penyerahhak telah mendapat sebarang hak dan/atau kepentingan dalam Harta tersebut atau sebaliknya, manfaat sepenuhnya yang diberikan, semua penetapan yang terkandung dan semua remedi untuk menguatkuasakannya.
- (d) Penjual telah bersetuju ke atas Penyerahhakkan ini. (Potong jika tidak terpakai. Harta-harta di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) tidak memerlukan kebenaran Pemaju. Peguam-peguam yang menguruskan dokumenta pinjaman perlu mengesahkan dan melakukan apa-apa yang perlu).

SURAT IKATAN PENYERAHHAKKAN INI MENYAKSIKAN seperti berikut:-

1. Penyerahhak sebagai tuan punya benefisial Harta tersebut menyerahhakkan kepada Bank secara mutlaknya kesemua hak, hakmilik dan kepentingan Penyerahhak dalam dan ke atas Harta tersebut sama ada melalui Perjanjian Jual Beli, sebarang perjanjian lain dan/atau kontrak yang mana Penyerahhak telah mendapatkan apa-apa hak dan/atau kepentingan dalam Harta tersebut atau sebaliknya, dengan manfaat sepenuhnya yang diberikan melaluinya, semua penetapan yang terkandung di dalamnya, dan semua remedi untuk menguatkuasakannya.
2. Tanpa mengira Penyerahhakkan ini, Penyerahhak hendaklah dan dengan ini berakujanji untuk terus mematuhi, melaksanakan dan terikat dengan semua syarat, wa'd dan peruntukan yang dinyatakan dan terkandung di dalam Perjanjian Jual Beli dan/atau mana-mana perjanjian lain dan/atau kontrak diserahhak kepada Bank di bawah Penyerahhakkan ini. Penyerahhak hendaklah pada setiap masa selepas ini memastikan bahawa Bank tidak dimudaratkan dan Bank akan dibayar gantirugi terhadap semua tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, penalti, kos-kos dan perbelanjaan yang boleh dibawa atau dibuat terhadap atau dibelanjakan oleh Bank disebabkan atau ketidakpatuhan terhadap semua atau sebarang penetapan yang terkandung di dalam Perjanjian Jual Beli dan/atau mana-

mana perjanjian lain dan/atau kontrak yang diserahkan kepada Bank di bawah Penyerahhakkan ini.

3. Bank berhak untuk menggunakan kesemua atau mana-mana hak dan kuasa berikut tanpa pengenalpastian sama ada sebarang keingkaran telah berlaku atau tidak:-
 - (a) menamatkan lesen seperti yang ditakrif di dalam Penyerahhakkan ini dan untuk mengambil pemilikan Harta tersebut atau sebarang bahagian atau bahagian-bahagian darinya;
 - (b) untuk menyewa, memajak atau melenyapkan Harta tersebut atau mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian dari itu untuk tempoh sewaan tersebut atau tempoh tahun tersebut pada sewa tersebut dan secara amnya atas terma-terma sedemikian yang Bank atas budibicara mutlaknya fikirkan sesuai. TERTAKLUK SENTIASA bahawa Bank boleh tanpa prejudis terus memajak Harta tersebut kepada penghuni semasa dan boleh menerima hal sewaan yang diterima dari itu;
 - (c) untuk menjual dan/atau menyerahhak Harta tersebut sebagai tuan punya mutlak tidak dibebani pada harga sedemikian atau harga-harga dan dalam cara seperti yang Bank hendaklah atas budi bicara mutlaknya fikirkan sesuai.
4. Penyerahhak hendaklah dan dengan ini secara nyatanya bersetuju, berwa'd, and berakujanji untuk melakukan dan menyempurnakan semua perlakuan, surat ikatan, instrumen dan perkara-perkara yang Bank boleh minta atau tetapkan untuk tujuan memberi kesan dan/atau penyiapan apa-apa dan/atau mana-mana transak yang disebut di dalam Penyerahhakkan ini.
5. Penyerahhak hendaklah sebagai tambahan kepada Penyerahhakkan ini menyempurnakan surat kuasa wakil bagi memihak kepada Bank, yang mana kuasa wakil hendaklah dalam bentuk dan kandungan yang diterima oleh Bank.
6. Penyerahhak bersetuju dan berakujanji:-
 - (a) bahawa hakmilik kepada Harta tersebut kini adalah baik, sah dan wujud dan bahawa mana-mana kadar caj dan cukai berkaitan Harta tersebut telahpun dibayar dan man-mana terma w'ad syarat dan kewajipan yang lain berkaitan Harta tersebut perlu dilaksanakan dan diperhatikan oleh Penyerahhak telahpun dilaksanakan dan diperhatikan hingga pada tarikh di ni dan bahawa Penyerahhak memiliki hak dan hakmilik yang sah untuk menyerahhak Harta tersebut dalam cara yang telah disebutkan bebas daripada semua bebanan;

- (b) untuk membayar cukai tanah, penilaian, kadar dan cukai dan apa-apa caj lain yang kena dibayar kepada Kerajaan atau kepada mana-mana pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun dari semasa ke semasa yang kena dibayar berkenaan dengan Harta tersebut [termasuk selepas hak milik berasingan atau hak milik strata telah dikeluarkan berkenaan dengan Harta tersebut (jika berkenaan)], caruman dan bayaran lain yang perlu dibayar oleh Penyerah Hak sebagai pemilik Harta tersebut di bawah Akta Hak Milik Strata 1985 dan / atau Akta Pengurusan Strata 2013 dan / atau Enakmen Tanah (Hak Milik Subsidiari) 1972 atau Akta lain yang serupa dan apabila ianya menjadi kena dibayar ;
- (c) untuk menyelenggara Harta tersebut di dalam keadaan yang sesuai dan untuk membenarkan Bank pada bila-bila masa yang munasabah untuk memasuki Harta tersebut untuk melihat dan memeriksa keadaan penyelenggaraan dan untuk memelihara dan menyelenggara Harta tersebut dan struktur dan lekapan pada Harta tersebut dalam keadaan yang baik dan boleh dibaiki oleh penghuni ASALKAN jika Penyerahhak telah melanggarmana-mana w'ad yang terkandung dalam klausa ini ia adalah sah tetapi tidak wajib bagi pihak Bank untuk membuat pembaikan sedemikian seperti yang difikirkan sesuai ASALKAN dengan melakukan sedemikian, pihak Bank tidak dianggap sebagai telah mengambil milikan Harta tersebut dan kesemua wang yang telah dibelanjakan hendaklah dibayar semula oleh Penyerahhak atas tuntutan atau didebitkan ke akaun Penyerahhak dan dikenakan faedah pada kadar yang ditetapkan oleh Bank;
- (d) untuk tidak mengubah Harta tersebut atau mana-mana bahagian darinya atau mana-mana lekapan kini atau pada bila-bila masa selepas ini dibina di atas atau dilekap pada Harta tersebut tanpa kebenaran bertulis pihak Bank dan akan menggantikan selepas ini atau member kesan yang samasekiranyaperubahan sedemikian berlaku;
- (e) untuk mematuhi dan memerhati kesemua syarat, sekatan dan katagori kegunaan tanah yang dikenakan secara nyata atau terrat atau memberi kesan kepada Harta tersebut atau kepada mana-mana Harta tersebut adalah tertakluk sepertimanaperuntukan-peruntukan mana-mana Akta Ordinan Parlimen atau Enakmen yang berkuatkuasa pada masa kini dan mana-mana peraturan atau arahan yang dibuat selepas dari ini;
- (f) untuk tidak memindahmilik, menjual, menggadai atau berurusan dengan Harta tersebut atau mana-mana bahagian darinya atau sebarang kepentingan darinya atau tertakluk yang sama kepada mana-mana gadaian, bebanan, liabiliti atau lien atau membuat sebarang permohonan untuk penukaran kegunaan tanah atau untuk mengenakan mana-mana sebarang kategori baru kegunaan

tanah berkaitan dengan Harta tersebut atau untuk pembatalan, pembuangan atau pindaan sebarang syarat atau sekatan yang mempengaruhi Harta tersebut tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Bank;

- (g) untuk tidak memajak atau menyewakan atau mengeluarkan apa-apa lesen atau sebaliknya bagaimanapun terpisah daripada milikan atau membuat atau menerima penyerahan sebarang pajakan apa-apa pun atau berkaitan dengan Harta tersebut atau mana-mana bahagian darinya kepada mana-mana individu, firma atau syarikat tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Bank yang mana kebenaran boleh diberi atau ditolak tanpa sebarang sebab atau pada terma dan syarat yang Bank fikirkan sesuai;
- (h) untuk tidak menggunakan Harta tersebut atau menyebabkan yang sama digunakan untuk tujuan lain selain daripada yang mana ia telah dibina ataupun tidak juga untuk menyimpan atau membawa kepada Harta tersebut sebarang artikel bahan mudah terbakar yang mudah meletup atau berfat berbahaya dan tidak membuat atau membenarkan atau mengalami apa-apa oleh sebab yang sebarang polisi atau polisi-polisi insurans boleh dianggap tidak sah atau boleh batal;
- (i) bahawa melainkan dengan kebenaran bertulis sebelumnya daripada pihak Bank, Penyerahhak tidak boleh memulakan, meneruskan, menghalkan dan/atau mempertahankan dalam mana-mana mahkamah atau tribunal sebarang tindakan, saman atau proding terhadap Penjual, mana-mana pemaju perumahan, kontraktor atau mana-mana individu, berkaitan sebarang perkara yang timbul daripada Perjanjian Jual Beli, mana-mana perjanjian lain dan/atau kontrak yang diserahkan kepada Bank di bawah Penyerahhakkan ini, dan/atau Harta tersebut;
- (j) untuk memberitahu pihak Bank sekiranya Harta tersebut atau mana-mana bahagian darinya hendaklah pada bila-bila masa menjadi perkara atau termasuk di dalam mana-mana notis, pemberitahuan atau pengisytiharan berkenaan atau berkaitan pengambilalihan oleh kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau sebarang pertanyaan atau proding berkaitan dengannya dan menyerahkan kepada Bank satu salinan atau salinan-salinan sebarang notis, pemberitahuan atau pengisytiharan sebaik sahaja perkara yang sama dihantar atau diserahkan kepada Penyerahhak. Pihak Bank berhak pada perbelanjaan ke atas Penyerahhak untuk mengambil penahat-penahat dan agen-agen (termasuk peguam dan jurunilai) yang difikirkan sesuai untuk tujuan muncul dan hadir pada, atau menahati mana-mana pertanyaan yang mempengaruhi atau berkaitan tentang sebarang pengambilalihan tersebut. Semua wang yang diterima sebagai

pampasan untuk pengambilalihan Harta tersebut atau mana-mana bahagian darinya hendaklah digunakan dalam atau untuk pelepasan atau pembayaran balik sebarang wang atau liabiliti yang dicagar melalui Pernyerahhkan ini. Penyerahhak mengisytiharkan bahawa dia hendaklah memegang kesemua wang yang diterima dalam bentuk amanah bagi pihak Bank dan Penyerahhak bersetuju bahawa Bank boleh menerima dan memberi satu pelepasan yang baik untuk kesemua wang tersebut;

- (k) untuk memastikan pihak Bank dibayar gantirugi terhadap semua tindakan, saman, tuntutan, kos-kos dan perbelanjaan yang berlaku, dibuat ke atas akaun tidak berbayar terhadap sebarang cukai harta, kadaran, caj, perbelanjaan dan pengenaan berkaitan Harta tersebut atau mana-mana bahagian darinya atau pelanggaran atau kegagalan untuk melaksanakan wa'd, kewajipan dan perjanjian yang terkandung di ni;
- (l) untuk menyediakan pihak bank dengan salinan-salinan kesemua notis kepada atau daripada kesemua pihak berkuasa kerajaan yang relevan berkaitan Harta tersebut tidak lebih dari tujuh (7) hari dari penyampaian atau penyerahan notis sedemikian oleh atau ke atas Penyerahhak dan untuk mematuhi dengan kesemua keperluan kerajaan dan undang-undang lain dan notis samada berkanun atau sebaliknya berkaitan dengan Harta tersebut;
- (m)(i) untuk memastikan Harta tersebut dilindungi insurans terhadap kerugian atau kerosakan akibat api, rusuhan, keributan awam, kerosakan jahat dan risiko-risiko lain yang Bank boleh minta sehingga nilai penuh yang boleh diinsuranskan dengan syaikat insurans yang diluluskan di dalam nama bersama Penyerahhak dan pihak Bank dan akan menyerahkan polisi atau polisi-polisi insurans tersebut dengan Bank dan akan dari semasa ke semasa membayar premium dan menyerahkan ret yang sama kepada pihak Bank. ASALKAN dimana terdapat satu Polisi Insurans Perbadanan Pengurusan (berkenaan dengan flat, pangsapuri dan kondominium), Bank boleh menerima insurans sedemikian ke atas Harta Tersebut.
- (m)(ii) Tanpa prejudis terhadap peruntukan sebelumnya bahagian ini (dan samada Penyerahhak telah atau tidak keingkaran) adalah dipersetujui bahawa sekiranya Bank hendaklah atas budi bicaramutlaknya mempertimbangkan ia sebagai diingini atau sesuai, pihak Bank hendaklah mempunyai kebebasan tetapi bukanlah kewajipan dan dengan ini diberi kuasa secara nyata oleh Penyerahhak untuk melaksanakan, mengekalkan atau memperbaharui mana-mana insurans tersebut berkaitan dengan Harta tersebut terhadap riko yang diinsuranskan seperti yang Bank fikirkan sesuai dan sebarang kos dan perbelanjaan yang berlaku hendaklah dikenakan ke atas Penyerahhak. Sekiranya

Penyerahhak diminta untuk menahati Bank untuk jumlah yang perlu diinsuranskan sekiranya gaagl Bank akan menganggap Harta tersebut telah diinsuranskan secukupnya dan Penyerahhak tidak akan menyebabkan Bank untuk bertanggungjawab sekiranya terdapat kekurangan dalam perlindungan insurans. Peminjam berakujanji bahawa sekiranyaBank memilih untukmenggunakan kuasanya di bawah ini, Penyerahhak tidak akan mengeluarkan, atau jika telahpun mengeluarkannya, akan tidak menyambung yang sebelumnya, mana-mana insurans ke atas Harta tersebut berkenaan dengan risiko yang diinsuranskan yang mana risiko tersebut telah diinsuranskan oleh Bank.

ASALKAN SENTIASA DAN ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI bahawa jika Penyerahhak mengingkari dalam pelaksanaan perjanjian-perjanjian dan akujanji yang terkandung di dalam Penyerahhak ini, adalah sah dari segi undang-undang tetapi tidak wajib ke atas pihak Bank untuk memperelokkan keingkaran atau keingkaran-keingkaran tersebut dan mana-mana dan kesemua wang yang telah dibayar atau dibelanjakan oleh Bank bersama faedah selanjutnya pada kadar yang ditentukan oleh Bank dari tarikh bayaran tersebut dituntut untuk dibayar semula kepada Bank dan sehingga bayaran semula tersebut dianggap menjadi jumlah yang didahulukan oleh Bank kepada Penyerahhak dan membentuk sebahagian wang yang dengan ini dicagar.

Melainkan atas permintaan atau dengan kebenaran Bank, Penyerahhak tidak boleh memberi kesan atau menyimpansebarang insurans terhadap mana-mana riko berkaitan dengan Harta tersebut bersama mana-mana lekapan atau struktur darinya yang mana Bank telah memberi kesan atau menyimpansebarang insurans seperti yang dinyatakan

7. Penyerahhak dengan ini memberi kuasa kepada Bank, pekerjaanya dan/atau agen-agensya untuk memeriksa Harta tersebut untuk tujuan penilaian dua tahun sekali. ASALKAN semua wang yang telah dibelanjakan dalam menjalankan sebarang pemeriksaan atau penilaian tersebut hendaklah dibayar semula oleh Penyerahhak atas permintaan atau didebitkan ke akaun Penyerahhak dengan Bank dan sehingga dibayar semula sepenuhnya yang sama hendaklah membawa faedah pada kadar yang ditentukan oleh Bank dari tarikh wang tersebut telah dibelanjakan dan hendaklah membentuk sebahagian wang yang dengan ini dicagar. BAGAIMANAPUN ASALKAN bahawa sekiranya Bank memasuki dan memperbaiki Harta tersebut ia tidak akan bertanggungjawab sebagai pemegang serahhak dalam milikan.

8. Sekiranya satu dokumen hakmilik berangan Harta tersebut dikeluarkan oleh pihak pejabat tanah, Penyerahhak hendaklah, pada kos dan perbelanjaannya dan apabila diminta untuk membuat secara notis bertulis daripada pihak Bank, memperolehi dokumen hakmilik berangan tersebut dan mengambil satu pindahmilik dan menyempurnakan satu gadaian di dalam borang Bank standard (dengan perubahan tersebut darinya seperti yang Bank boleh minta)) ke atas dokumen hakmilik berangan Harta tersebut bagi memihak kepada Bank untuk menjamin bayaran balik wang tersebut kepada Bank dengan ini telah dicagar.
9. (a) Berikutan jualan Harta tersebut pihak Bank hendaklah mengaplikasikan hasil jualan dengan cara berikut:-
- PERTAMA** untuk membayar sebarang tunggakan cukai tanah, kadaran, cukai taksiran dan semua belanja pasti yang lain yang terakru berkaitan dengan Harta tersebut dan kesemua cukai lain yang perlu dibayar berkaitan dengan jualan tersebut menurut mana-mana undang-undang bertulis pada masa ianya berkuatkuasa dan semua kos dan perbelanjaan lain atau dihalkan daripada jualan Harta tersebut;
- KEDUA** untuk membayar kepada Bank semua faedah dan caj lain dan perbelanjaan yang dikeluarkan dan masih belum dibayar kepada Bank;
- KETIGA** untuk membayar kepada Bank kesemua wang pokok atau baki yang tertunggak dengan Bank;
- KEEMPAT** untuk membayar kepada individu atau individu-individu yang berhak menurut undang-undang terhadap lebihan tersebut, jika ada.
- TERTAKLUK SENTIASA** bahawa sekiranya Bank berpendapat bahawa cagaran boleh membuktikan kekurangan, bayaran boleh dibuat kepada Bank atas akaun wang pokok sebelum faedah tetapi perubahan dalam cara pembayaran tersebut tidak boleh memprejudis hak Bank untuk menerima jumlah sepenuhnya yang mana ia adalah berhak jika arahan utama bayaran telah dipatuhi atau sebarang jumlah yang lebih sedikit yang mana jumlah yang akhirnya diperolehi daripada cagaran boleh mencukupi untuk membuat bayaran.

- (b) Jika jumlah yang diperolehi oleh Bank atas jualan Harta tersebut adalah kurang daripada jumlah terakru kepada bank, Penyerahhak hendaklah bertanggungjawab untuk membayar Bank baki perbezaan antara jumlah yang terakru dan jumlah yang diperolehi dan sehingga bayaran akan juga membayar faedah atas baki tersebut pada kadar yang ditentukan oleh Bank.
10. Bank boleh atas budi bicara mutlakny pada bila-bila masa tanpa kebenaran Penyerahhak menyerahkan and/atau memindahmilik semua hak, kepentingan, dan kewajipannya atau mana-mana bahagian kepada individu tersebut atau perbadanan seperti yang difikirkan sesuai dan atas sebarang serahhak atau pindahmilik tersebut pemegang serahhak atau penerima pindahmilik hendaklah menganggap dan layak ke atas hak, kepentingan dan kewajipan yang terkandung dalam penyerahhakkan seolah-olah pemegang serahhak atau penerima pindahmilik telah menjadi pihak kepada Penyerahhakkan ini bagi pihak Bank.
11. Jika pada bila-bila masa Penyerahhak berhak kepada faedah mana-mana wang insurans yang dibayar berkaitan dengan Harta tersebut samada dibuat oleh Penyerahhak atau Bank dan samada atau tidak Penyerahhak atau Bank bertanggungjawab dibawah Penyerahhakkan ini, maka kesemua wang yang diterima melalui satu insurans atau lebih hendaklah jika Bank minta untuk digunakan atas budi bicara mutlakny samada untuk membaikpulih kerugian atau kerosakan berkaitan yang mana wang telah diterima atau terhadap pelepasan kesemua apa jua wang yang terhutang dan dicagar melalui Penyerahhakkan ini.
12. Penyerahhak mengakui bahawa walaupun Bank hendaklah atau boleh pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa memegang Harta tersebut sebagai pemunya benifisial melalui Penyerahhakkan ini dan/atau didaftarkan sebagai pemegang gadaian menurut Klausula 8 di sini Penyerahhak hendaklah dan dengan ini secara nyatanya bersetuju berwa'd dan berakujanji;-
- (a) untuk bertanggungjawab kepada dan untuk membayar kepada Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau sebaliknya semua caj, dius dan perbelanjaan apa-apa pun samada melalui cara denda, premium, cukai taksiran, cukai tanah, diti setem, pendaftaran dan sebarang caj, fi atau pengenaan apa-apa pun dan bagaimanapun yang perlu dibayar berkaitan dengan Harta tersebut atau berhubung dengan pengeluaran mana-mana dokumen hakmilik Harta tersebut; dan

- (b) untuk membayar ganti rugi Bank terhadap semua tuntutan, tuntutan, tindakan, denda, penalti dan prosiding undang-undang apa jua yang dibuat terhadap atau didakwa atau dikenakan ke atas Bank oleh Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau perbadanan apa jua yang timbul daripada atau berhubung dengan mana-mana perbuatan yang dilakukan atau tidak dilaksanakan oleh sesiapa pun berkaitan dengan atau berkenaan Harta tersebut.
13. Atas bayaran balik kepada Bank semua wang yang dicagar di bawah Penyerahhakkan ini bersama dengan semua faedah darinya pada kadar ditetapkan, Penyerahhak berhak pada kos dan perbelanjaannya (termasuk kos peguam yang mewakili Bank) untuk memperoleh satu pelepasan dan pembebasan Harta tersebut daripada Bank, pelepasan dan pembebasan tersebut perlu dalam bentuk dan kandungan seperti yang Bank fikirkan sesuai.
14. Semasa tempoh Penyerahhakkan ini Bank hendaklah mempunyai penjagaan dan milikan salinan asal Perjanjian Jual Beli dan/atau sebarang perjanjian dan/atau kontrak lain yang diserahkan kepada Bank di bawah Penyerahhakkan ini, dan/atau sebarang dokumen atau dokumen-dokumen yang membuktikan sebarang hakmilik kepada atau hak dalam Harta tersebut atau apa-apa faedah atau hak yang berhubung atau berkaitan atau dalam apa jua cara mempunyai kaitan.
15. Tiada apa pun yang terkandung di sini akan memprejudis atau mempengaruhi sebarang lien di mana Bank berhak atau sebarang cagaran lain di mana Bank boleh pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa memegang untuk atau bertanggungjawab ke atas wang yang dijamin di sini, atau bertindak untuk bergabung atau sebaliknya memprejudis atau mempengaruhi mana-mana bil, nota, jaminan, gadai janji atau sekuriti lain di mana Bank boleh pada masa ini memperoleh sebarang wang yang bertujuan untuk di sini atau sebaliknya dijamin atau sebarang hak atau remedi pihak Bank di bawahnya.
16. Walau apa pun yang terkandung di dalam Penyerahhakkan ini, adalah diisytiharkan bahawa Penyerahhak hendaklah semasa tempoh Penyerahhakkan ini memegang milikan Harta tersebut sebagai pemegang lesen untuk bank dan tidak melalui hak lain dan ia hendaklah menyampaikan milikan kosong Harta tersebut kepada Bank atau kepada individu atau individu-individu tersebut seperti yang Bank boleh arahkan sekiranya lesennya untuk menghuni Harta tersebut telah ditamatkan melalui notis bertulis oleh pihak Bank.

17. Bank boleh pada sepanjang masa tanpa melepaskan atau dalam apa jua cara mempengaruhi sekuriti yang dibuat di bawah Penyerahhakkan ini dan tanpa notis kepada Penyerahhak pada bila-bila masa:-
- (a) menentukan, mengubah atau menaikkan jumlah Kemudahan atau sebarang bentuk kredit lain yang dicagar di bawah Penyerahhakkan ini dan boleh membuka dan/atau meneruskan mana-mana akaun dan boleh mengenakan caj kadar faedah berbeza dan boleh mengenakan wa'd baru;
 - (b) memberi kepada Penyerahhak atau kepada mana-mana penjamin atau penggerenti bila-bila masa atau penyelesaian;
 - (c) berurusan dengan pembebasan pertukaran atau menjauhi daripada menyempurnakan atau menguatkuasakan sebarang cagaran atau jaminan lain atau hak yang Bank boleh kini atau selepas dari ini mempunyai daripada atau terhadap Penyerahhak atau mana-mana individu yang lain;
 - (d) kompaun dengan Penyerahhak atau mana-mana individu atau penggerenti, menerima bayaran wang yang tertunggak atau akan menjadi tertunggak atau menggantung bayaran wang tertunggak atau akan menjadi tertunggak; dan/atau
 - (e) mengubah terma dan/atau syarat Perjanjian Pinjaman dan/atau Penyerahhakkan ini.
18. Tiada kegagalan atau penangguhan atau peninggalan dari pihak Bank untuk melaksanakan mana-mana hak, kuasa, hak istimewa atau remedi yang ada berkaitan dengan sebarang keingkaran oleh Penyerahhak hendaklah dianggap sebagai pengecualian darinya atau sebagai akuiesens dalam keingkaran tersebut mahupun sebarang tindakan oleh pihak Bank berkaitan dengan keingkaran tersebut atau akuiesens dalam keingkaran tersebut mempengaruhi atau menjejaskan sebarang hak, kuasa, hak istimewa atau remedi Bank berkaitan mana-mana keingkaran lain seterusnya.
19. Sekuriti ini adalah dengan ini secara nyata disiythar sebagai satu cagaran berterusan (tanpa mengira sebarang bayaran perantara atau penyelesaian akaun) untuk bayaran tertunggak kepada Bank semua wang dan liabiliti dengan ini dipersetujui untuk dibayar atau akan dibayar dengan ini dijamin termasuk sebarang perbelanjaan dan caj yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan tindakan atau perkara yang dirujuk kepada Penyerahhakkan ini bersama dengan faedah darinya dan untuk menjadi tambahan kepada dan tanpa prejudis kepada mana-mana sekuriti lain yang mana Bank kini boleh atau seterusnya memegang berkaitan dengan wang dan liabiliti tersebut. Bank boleh pada bila-bila masa dan tanpa rujukan lanjut kepada Penyerahhak menyerah, berurusan dengan, mengubah, menukar atau tidak menyempurnakan atau menguatkuasakan

sebarang sekuriti lain atau sekuriti-sekuriti tersebut pada bila-bila masa dan melepaskan mana-mana pihak atau mana-mana dari mereka dan merealisasikan sekuriti atau sekuriti-sekuriti tersebut atau mana-mana dari itu seperti yang Bank fikirkan sesuai tanpa dalam apa cara sekalipun mempengaruhi atau memprejudis jaminan yang diberi di sini.

20. Penyerahhak hendaklah pada bila-bila masa dan apabila diminta oleh Bank melaksanakan bagi memihak kepada Bank atau sebagaimana Bank boleh arahkan, perundangan selanjutnya tersebut atau gadai janji, gadaian, debentur, penyerahhakkan, pindahmilik, perjanjian atau asurans lain seperti yang Bank perlukan dan ke atas semua hak Penyerahhak, hakmilik, dan kepentingan di dalam mana-mana tanah atau aset atau perniagaan yang kini menjadi milik kepada atau yang mana boleh diperoleh atau dimiliki oleh Penyerahhak (termasuk mana-mana lien penjual) dan faedah semua lesen yang dipegang berkaitan, untuk menjamin semua wang dan liabiliti dengan ini telah dipersetujui untuk dibayar atau bertujuan untuk dijamin, gadai janji, gadaian, penyerahhakkan, pindahmilik, perjanjian atau asurans tersebut hendak disediakan oleh atau bagi pihak Bank pada kos ditanggung oleh Penyerahhak dan untuk mengandungi kesemua terma dan syarat untuk faedah kepada Bank sebagaimana yang diperlukan atau ditetapkan oleh Bank.
21. Sekiranya Penyerahhak mati dan sehingga penerimaan oleh Bank notis bertulis tentang surat probet wasiat atau surat kuasa mentadbir harta si mati, sebarang notis atau tuntutan oleh Bank yang dihantar melalui pos kepada si mati atau wakil peribadinya di alamat akhir si mati yang diketahui atau seperti yang dinyatakan selepas dari ini di dalam Penyerahhakkan ini hendaklah untuk semua tujuan dianggap sebagai notis yang mencukupi atau hendaklah berkesan seperti si mati masih lagi hidup.
22. (a) Apa-apa wang yang diterima di bawah ini boleh diletakkan dan disimpan di dalam akaun tergantung bagi tujuan kredit selama mana difikirkan wajar oleh Bank tanpa apa-apa kewajipan dalam masa yang sama untuk menggunakan wang yang sama atau mana-mana bahagiannya atau terhadap pelepasan apa-apa wang atau liabiliti yang kena dibayar atau ditanggung oleh Peminjam. Walau apa pun pembayaran yang sedemikian, sekiranya berlaku apa-apa prosiding berkenaan atau yang serupa dengan kebangkrapan, insolvensi, pembubaran, komposisi atau aturan (secara sukarela atau sebaliknya) atau pengurusan kehakiman, Bank boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima apa-apa dividen atau komposisi berkenaan keseluruhan atau mana-mana bahagian wang dan liabiliti sedemikian dengan cara yang sama seolah-olah jaminan ini tidak pernah dibuat.

- (b) Sebagai tambahan kepada peruntukan yang disebut sebelumnya dan walau apa pun peruntukan nyata lain Penyerahhakkan ini, Penyerahhak dengan ini secara tidak boleh batal membuatkan dirinya tidak membuat bayaran tersebut terhadap Kemudahan dan dengan ini mengeneipkan kesan peruntukan Seksyen 60 Akta Kontrak 1950 atau mana-mana pindaan atau enakmen semula darinya dan tanpa bantahan memberi hak peruntukan kesemua bayaran yang dibuat sepanjang masa kepada Bank di bawah Penyerahhakkan ini.
23. Cagaran, liabiliti dan/atau tanggungjawab yang wujud melalui Penyerahhakkan ini hendaklah terus menjadi sah dan terikat bagi semua tujuan apa-apa pun tanpa mengira sebarang perubahan melalui penggabungan, pembinaan semula atau sebaliknya yang mana boleh dibuat di dalam perlembagaan Bank atau sebarang syarikat yang mana urusan Bank boleh untuk waktu ini dijalankan dan hendaklah tersedia kepada syarikat yang menjalankan pada bisnes tersebut untuk sementara waktu
24. Jaminan, liabiliti atau kewajipan yang diwujudkan oleh Penyerahhakkan ini akan terus sah dan mengikat untuk semua tujuan walau apa pun perubahan sama ada oleh sebab penggabungan, kebangkrapan, kematian, penyatuan, pembubaran, penutupan, insolvensi atau sebaliknya dengan cara, nama, gaya, bentuk atau komposisi Penyerah Hak dan ungkapan "Penyerah Hak" dalam Penyerahhakkan ini termasuk orang yang pada masa itu memperoleh hak milik di bawah Penyerah Hak dan secara nyata diisytiharkan bahawa tiada apa-apa perubahan yang berhubungan dengan Penyerah Hak boleh menjejaskan jaminan yang dihasilkan di sini, liabiliti dan / atau kewajipan yang sama di bawah Penyerahhakkan ini berhubungan dengan apa-apa transaksi sama ada pada masa lalu atau masa hadapan.
25. Penyerahhak bersetuju (dan memberikan kuasa secara tidak boleh batal kepada Bank sehingga Penyerahhakkan ini ditamatkan) bahawa Bank boleh pada bila-bila masa tanpa notis, menggabungkan atau menyatukan kesemua atau mana-mana akaun Penyerahhak yang wujud pada masa itu atau dipegang oleh Penyerahhak bersama dengan yang lain (samada ia adalah deposit, pinjaman atau mana-mana bentuk yang lain, samada tertakluk kepada notis atau tidak dan samada dalam Ringgit Malaya atau dalam apa-apa matawang lain) di dalam mana-mana cawangan Bank di mana-mana pun terletak, dan menetap-tutup atau memindahkan sebarang jumlah yang ada kepada kredit seorang atau lebih akaun sedemikian di dalam atau terhadappenyelesaian apa-apa wang, tanggungjawab dan liabiliti Penyerahhak kepada Bank, samada liabiliti tersebut adalah

semasa, masa hadapan, benar, sebenar, kontinjen, perdana, sandaran, berasingan atau bersesama. Di mana kombinasi, pengenejian atau pemindahan memerlukan penukaran satu matawang kepada matawang yang lain penukaran tersebut hendaklah dikira pada kadar pertukaran serentak Bank pada waktu tersebut (sebagaimana ditetapkan secara muktamad oleh Bank) untuk membeli matawang yang mana Penyerahhak bertanggungjawab dengan penukaran matawang sedia ada tersebut.

26. Jika pada bila-bila masa mana-mana peruntukan di sini adalah atau menjadi tidak sah, haram atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam apa-apa hal pun, peruntukan tersebut tidak berkesan sehingga tahap yang perlu tanpa mempengaruhi atau merosakkan kesahan dan/atau penguatkuasaan peruntukan yang selebihnya di sini.
27. Penyerahhak dengan ini memberi kuasa secara tidak boleh batal kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat berkaitan dengan Penyerahhakan ini kepada mana-mana pihak yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan keterhutangan Penyerahhak tersebut dan/atau pemberi sekuriti lain yang dipegang kini atau akan dipegang oleh Bank dan kepada mana-mana biro kredit atau agensi kerajaan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau Persatuan Bank-bank Malaysia.
28. Semua yuran, kos dan perbelanjaan yang berlaku di bawah ini oleh Bank termasuk sebarang perbelanjaan yang ditanggung dalam kewujudan, penguatkuasaan dan/atau penyediaan Penyerahhakan ini atau dalam pemberian sebarang notis atau dalam membuat sebarang tuntutan di bawah berikutan atau berkaitan dengan Penyerahhakan ini (termasuk fi Peguam Bank atas dasar peguam dan klien) dan duti setem dan fi yang mana Penyerahhakan ini adalah tertakluk kepada dan semua apa jua wang lain yang dibayar oleh Bank hendaklah atas tuntutan perlu dibayar oleh Penyerahhak kepada Bank, dan jika baki yang belum dibayar hendaklah didebitkan kepada akaun Penyerahhak dengan Bank atau kepada satu akaun pembayaran/tergantung perlu dibuka oleh Bank untuk tujuan tersebut dan adalah terjamin di bawah ini dan semua wa'd dan peruntukan yang terkandung di dalam Penyerahhakan ini dan semua kuasa dan remedi yang diberikan oleh undang-undang atau melalui Penyerahhakan ini berhubung dengan jumlah wang pokok dan faedah seterusnya hendaklah digunapakai.
29. Jika dan bila akaun atau akaun-akaun semasa tersebut atau sebaliknya hendaklah ditutup samada melalui tuntutan seperti yang disebut sebelum ini atau kematian Penyerahhak (atau di mana Penyerahhak hendaklah lebih dari seorang oleh kematian salah seorang dari mereka) dan baki hendaklah dihutang kepada Bank, Penyerahhak atau wakil peribadi Penyerahhak (yang mana terpakai) akan asalkan yang sama atau mana-mana bahagian darinya hendaklah terus perlu dibayar kepada Bank dengan faedah pada kadar yang ditetapkan oleh Bank dikira dari masa apabila baki tersebut telah dipastikan dan Penyerahhak bersetuju

bahawa penyata oleh pegawai Bank tentang jumlah baki tersebut adalah mutlak dan muktamad.

30. Penyerahhakkan ini hendaklah terus berkuatkuasa sehingga suatu masa yang mana ia hendaklah dilepaskan melalui penyempurnaan dan pendaftaran sempurna oleh Penyerahhak ke atas gadaian pertama ke atas Harta tersebut bagi memihak kepada Bank atau sehingga bayaran semula kesemua wang yang tertunggak daripada Penyerahhak berserta faedah darinya pada kadar yang ditentukan oleh Bank.
31. Semua notis perlu disampaikan di bawah Penyerahhakkan ini hendaklah secara bertulis dan hendaklah disampaikan kepada Bank dengan sewajarnya dengan meninggalkan di pejabat berdaftar pada waktu ini dan ke atas Penyerahhak jika ia ditinggalkan di tempat biasa atau alamat terakhir atau kediaman atau di alamat yang dinyatakan dan melainkan ditetapkan sebaliknya notis tersebut jika dihantar melauai surat biasa hendaklah dianggap seperti apabila surat tersebut dalam keadaan pos biasa ditentukan. Sebarang notis diberi oleh Bank termasuklah sebarang notis tuntutan ntuk wang yang dipinjam atau didahulukan oleh Bank kepada Penyerahhak boleh diserahkan bagi pihak Bank oleh seorang pengarah, pengurus besar, pengurus, penolong pengurus, atau oleh mana-mana pegawai Bank atau oleh mana-mana wakil dari firma guaman yang bertindak mewakili pihak Bank.
32. Di dalam Penyerahhakkan ini, melainkan terdapat sesuatu di dalam subjek atau konteks yang tidak konsisten dengan pembinaan tersebut atau melainkan disediakan sebaliknya secara nyata:-
 - (a) perkataan-perkataan yang membawa erti jantina lelaki hendaklah disifatkan dan diambil untuk meliputi jantina perempuan dan neuter. dan sebaliknya;
 - (b) perkataan-perkataan dalam bilangan tunggal hendaklah meliputi bilangan jamak dan perkataan-perkataan dalam bilangan jamak meliputi bilangan tunggal; dan
 - (c) Perkataan dan ungkapan yang ditakrifkan di dalam Perjanjian Pinjaman, apabila digunakan atau dirujuk dengan Penyerahhakkan ini, hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang disediakan di dalam Perjanjian Pinjaman.

33. Tidak ada yang patut ditafsirkan sebagai mengaitkan hubungan agensi di antara pihak Bank dan mana-mana wakil dan/atau jurunilai yang dilantik dan/atau diambil untuk menyediakan sebarang dokumentasi dan/atau melaporkan dan/atau berakujanji dan/atau mengawasi mana-mana transaksi berhubung dengan Penyerahhakkan ini, dalam hal sedemikian, dan Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang perbuatan dan/atau kesilapan wakil dan/atau penilai tersebut.
34. Penyerahhakkan ini hendaklah menjadi terikat ke atas waris, wakil peribadi, pewaris serahhak kepada Penyerahhak dan pewaris hakmilik dan serahhak Bank.

Penyerahhakkan ini akan terikat kepada pewaris, wakil peribadi dan penyerah yang dibenarkan Penyerahhak dan pewaris hakmilik dan penyerah Bank

35. Adalah dengan ini dipersetujui dan diisytihar bahawa Surat Ikatan Penyerahhakkan ini, Perjanjian Pinjaman dan Dokumen-dokumen Cagaran lain (jika ada) adalah instrumen yang digunapakai dalam satu transaksi untuk menjamin semua wang atau liabiliti termasuk faedah dan perbelanjaan yang boleh dicaj seperti yang kini atau pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa selepas dari ini menjadi tertunggak dan terhutang di bawah Perjanjian Pinjaman di atasnya dalam lingkungan maksud Seksyen 4 (3) Akta Setem 1949, dan bagi tujuan Seksyen Perjanjian Pinjaman tersebut dianggap sebagai instrumen perdana atau utama dan Surat Ikatan Penyerahhakkan ini dan Dokumen-dokumen Cagaran (jika ada) dianggap menjadi instrumen tambahan atau kedua.
36. Semua peruntukan Perjanjian Pinjaman hendaklah dianggap untuk dirangkumkan ke dalam dan membentuk sebahagian Surat Ikatan Penyerahhakkan ini (samada peruntukan tersebut diulang di sini atau tidak) tertakluk kepada ubahsuaian atau perubahan di mana perlu untuk membuatkan peruntukan dalam Surat Ikatan Penyerahhakkan ini konsisten dengan Perjanjian Pinjaman tersebut, dan sekiranya sebarang konflik atau perbezaan di antara peruntukan Perjanjian Pinjaman tersebut dan sebarang peruntukan Surat Ikatan Penyerahhakkan ini, peruntukan dalam Perjanjian Pinjaman tersebut hendaklah diikuti.

PADA MENYAKSIKAN Wakil Bank dan Penyerahhak menurunkan tandatangan pada hari dan tahun seperti yang tertulis di atas.

DITANDATANGANI oleh)
Penyerahhak)
dalam kehadiran)

Ditandatangani untuk dan bagi pihak)
CIMB BANK BERHAD oleh)
Wakilnya)
dalam kehadiran:-)

ENDORSMEN KEBENARAN PENJUAL*

Kami, _____ DENGAN INI MEMBERI

KEBENARAN ke atas Surat Penyerahhakkan sebelum ini yang mana telah diserahkan kepada kami melalui penghantaran satu salinan asal dan yang mana telah dicatatkan di dalam rekod saya/kami.

Kami, _____ KINI MEMBERI KEBENARAN

untuk pelepasan Surat Penyerahhakkan yang dimulakan oleh kami melalui penghantaran salinan yang benar dan yang mana telah dicatatkan dalam rekod saya/kami.

Kami mengesahkan bahawa kami telah dan sedang mengambil semua langkah yang munasabah untuk memperolehi dokumen hakmilik Harta tersebut.

Kami berakujanji untuk menghantar kepada CIMB BANK BERHAD (“Bank”) di cawangan _____ atau mana-mana alamat seperti yang

dinahatkan oleh Bank kepada kami atau kepada Wakil pihak Bank (jika dinahatkan sedemikian oleh Bank), Surat Hakmilik berangan atau hakmilik strata ke atas Harta tersebut apabila dikeluarkan bersama Pindah milik yang boleh didaftar bagi memihak kepada Penyerahhak dan mana-mana dokumen lain yang hendaklah diserahkan kepada kami untuk mengeluarkan bagi menjamin pendaftaran Penyerahhak sebagai pemilik berdaftar Harta tersebut.

Bertarikh hari bulan , 20

DITANDATANGANI oleh)

untuk dan bagi pihak)

dengan kehadiran:-)

* (Potong jika tidak terpakai. Harta-harta di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) tidak memerlukan kebenaran Pemaju. Peguam yang menguruskan dokumenta pinjaman perlu mengesahkan dan membuat perkara-perkara yang sepatutnya)

ENDORSMEN KEBENARAN PEMILIK*

Kami, _____ DENGAN INI MEMBERI

KEBENARAN ke atas Surat Penyerahhakan sebelum ini yang mana telah diserahkan kepada kami melalui penghantaran satu salinan asal dan yang mana telah dicatatkan di dalam rekod saya/kami.

Kami mengesahkan bahawa kami telah dan sedang mengambil semua langkah yang munasabah untuk memperolehi dokumen hakmilik Harta tersebut.

Kami berakujanji untuk menghantar kepada CIMB BANK BERHAD (“Bank”) di cawangan _____ atau mana-mana alamat seperti yang

dinahatkan oleh Bank kepada kami atau kepada Wakil pihak Bank (jika dinahatkan sedemikian oleh Bank), Surat Hakmilik berangan atau hakmilik strata ke atas Harta tersebut apabila dikeluarkan bersama Pindah milik yang boleh didaftar bagi memihak kepada Penyerahhak dan mana-mana dokumen lain yang hendaklah diserahkan kepada kami untuk mengeluarkan bagi menjamin pendaftaran Penyerahhak sebagai pemilik berdaftar Harta tersebut.

Bertarikh hari bulan , 20 .

DITANDATANGANI oleh)

untuk dan bagi pihak)

dengan kehadiran:-

* Potong jika tidak terpakai. Peguam yang menguruskan dokumenta pinjaman perlu mengesahkan sekiranya kebenaran tersebut diperlukan dan untuk membuat perkara-perkara yang sepatutnya)

JADUAL
(hendaklah diambil, dibaca dan ditafsirkan sebagai
bahagian penting Surat Ikatan Penyerahhakkan ini)

Seksyen	Perkara	Butiran
1.	Tarikh dan tahun Surat Ikatan Penyerahhakkan ini.	Bertarikh hari bulan 20
2.	Nama, keterangan dan alamat Penyerahhak.	
3.	Nama, keterangan dan alamat tempat perniagaan (Cawangan yang mengeluarkan Surat Tawaran).	
4.	Tarikh dan tahun Penjanjian Jual Beli, kontrak pembinaan dan/atau mana-mana perjanjian lain yang memberi hak dan/atau kepentingan kepada Harta tersebut.	Bertarikh hari bulan 20
5.	Nama, keterangan dan alamat Penjual/Pemaju/Pemilik/Kontraktor	

6.	Keterangan tentang Harta tersebut	
7.	Nama, keterangan dan alamat Peminjam	
8.	Keterangan tentang Kemudahan Tarikh dan tahun Perjanjian Pinjaman	

UNTUK PENYERAHHAKKAN PIHAK KETIGA SAHAJA

Saya, _____, sebagai Peminjam yang dinamakan di dalam Penyerahhakkan ini, dengan ini bersetuju dan membenarkan tanpa syarat ke atas terma-terma yang terkandung di ni, bersetuju dan berwa'd untuk terikat dengan terma-terma yang terkandung di sini, dan berwa'd selanjutnya untk menjamin pematuhan terma-terma tersebut.

.....
Peminjam :
(No KP :)